

METODOLOGI PENULISAN SYEKH ‘ABD AL-HAY AL-LAKNAWI DALAM KITAB ZAFAR AL-AMANI

Mohd. Khafidz Soroni
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia
mohdkhafidz@kuis.edu.my

Abstract

Throughout the history of the tradition of Islamic studies, there have been various works of ‘*ulum al-hadith*’ that have been produced by hadith scholars. These works differ in their writing methodology from one work to another. To understand the differences, a study of each work and the background of the author is very necessary to be conducted to reveal and explain it. Thus, this study aims to introduce one of the figures in the discipline of ‘*ulum al-hadith*’ named Sheikh ‘Abd al-Hay al-Laknawi (d. 1304H) with a focus on one of his monumental works, namely *Zafar al-Amani fi Sharh Mukhtasar al-Jurjani*. This qualitative study uses content analysis methods to identify and comprehensively describe the methodology of al-Laknawi’s writing in the work. From the results of the study it can be concluded that the methodology of writing al-Laknawi is seen as quite systematic and loaded with scientific discussions on issues that are quite complex in the science of hadith such as the issue of hadith hasan, the problem of doing good deeds with weak hadith, the issue of hadith mursal, issues munkar hadith and so on, along with his interpretation of the various views of the scholars presented. According to the research, this book of *Zafar al-Amani* is quite worthy to be placed in line with the great works of the discipline of ‘*ulum al-hadith*’ which should be studied and used as a reference by scholars and students.

Keyword: *al-Laknawi, figure, ‘ulum al-hadith, works, hadith*

Abstrak

Di sepanjang sejarah tradisi pengajian Islam, terdapat berbagai karya ‘*ulum al-hadith*’ yang telah dihasilkan oleh ulama hadis. Karya-karya ini berbeda metodologi penulisannya antara satu karya dengan satu karya yang lain. Kajian terhadap setiap karya serta latar belakang pengarangnya sangat perlu dilakukan dengan tujuan untuk memperkenalkan salah seorang tokoh dalam disiplin ‘*ulum al-hadith*’ tersebut bernama Syekh ‘Abd al-Hay al-Laknawi (w. 1304H) dengan tumpuan terhadap salah satu karya monumentalnya, yaitu *Zafar al-Amani fi Sharh Mukhtasar al-Jurjani*. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan metode analisis isi kandungan sehingga dapat menguraikan secara komprehensif metodologi penulisan al-Laknawi di dalam karya tersebut. Hasil kajian menyimpulkan bahwa metodologi penulisan al-Laknawi ini cukup sistematis dan sarat dengan perbincangan ilmiah mengenai masalah-masalah yang kompleks dalam ilmu hadis seperti isu hadis hasan, masalah beramal dengan hadis daif, isu hadis mursal, isu hadis munkar dan sebagainya, berserta pentarjihan beliau terhadap berbagai pandangan ulama yang disajikan. Kitab *Zafar al-Amani* ini menurut pengkaji cukup layak untuk diletakkan sebaris dengan karya-karya agung disiplin ‘*ulum al-hadith*’ lainnya yang wajar dipelajari dan dijadikan rujukan oleh para ilmuwan dan para penuntut ilmu.

Kata kunci: *al-Laknawi, tokoh, ‘ulum al-hadith, karya, hadis*

Pendahuluan

Keperluan dan kepentingan ‘ulum al-hadith dalam tradisi pengajian Islam telah menarik ramai ulama hadis mengarang karya khusus mengenainya. Terdapat pelbagai karya ‘ulum al-hadith yang dikarang oleh ulama hadis di sepanjang zaman, sama ada berbentuk karya asli, syarah, adaptasi atau gubahan nazam. Dalam wacana kesarjanaan, karya-karya ini perlu dibedakan metodologi penulisannya agar dapat difahami secara lebih mapan, diklasifikasikan mengikut peringkat dan dimanfaatkan kandungannya sesuai mengikut tahap pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan salah seorang tokoh ulama hadis dalam abad ke 14 Hijrah bernama Syekh ‘Abd al-Hay bin ‘Abd al-Halim al-Laknawi serta sumbangannya dalam bidang ‘ulum al-hadith dengan tumpuan terhadap salah satu karya monumentalnya, iaitu *Zafar al-Amani fi Sharh Mukhtasar al-Jurjani*. Setakat ini menurut hemat pengkaji, belum ditemukan penelitian yang telah dilakukan terhadap kitab ini sebelumnya. Justru dalam kajian ini, pengkaji akan mengupas khusus mengenai metodologi penulisan yang diguna pakai oleh beliau dalam menyajikan materi perbahasan kitabnya itu. Bagaimanapun, perbincangan mengenainya secara umum akan dibagikan kepada dua bagian iaitu; pertama, mengenai biografi Syekh ‘Abd al-Hay al-Laknawi dan kedua, mengenai metodologi penulisan karya beliau yang menjadi fokus utama kajian. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan metode kajian kepustakaan bagi menelusuri riwayat hidup dan sumbangan ilmiah al-Laknawi dalam dunia pengajian Islam, serta metode analisis isi kandungan bagi mengenal pasti dan menghuraikan secara komprehensif metodologi penulisan al-Laknawi di dalam kitabnya *Zafar al-Amani*.

Biografi Syekh ‘Abd Al-Hay Al-Laknawi

Nama penuh beliau ialah ‘Abd al-Hay bin ‘Abd al-Halim bin Amin Allah bin Akbar al-Ansari al-Sihalawi al-Laknawi al-Hanafi. Nama beliau juga adakala ditulis dengan tambahan nama ‘Muhammad’ di awalnya seperti mana berikut; Muhammad ‘Abd al-Hay bin Muhammad ‘Abd al-Halim bin Muhammad Amin Allah bin Muhammad Akbar al-Ansari al-Laknawi. Gelaran ‘al-Ansari’ adalah nisbah kepada seorang sahabat Nabi SAW bernama Abu Ayyub al-Ansari RA kerana nasab beliau sampai kepadanya. Nasab ini dijaga turun temurun oleh kaum keluarga beliau

yang merupakan zuriat keturunan sahabat besar tersebut.¹ Nama panggilan (*kunyah*) beliau pula ialah Abu al-Hasanat yang diberikan kepada beliau oleh bapanya sendiri setelah beliau mencapai usia baligh.²

Beliau dilahirkan pada hari Selasa, 26 Zulkaedah tahun 1264H di sebuah tempat bernama Banda. Bapa beliau merupakan seorang alim dan semasa al-Laknawi lahir, bapanya bertugas sebagai seorang guru di Madrasah al-Nawwab Dhi al-Faqqar al-Dawlah di Banda, Uttar Pradesh, India.³

al-Laknawi mula menghafal al-Quran ketika berusia 5 tahun. Gurunya pada masa ini bernama Hafiz Qasim ‘Ali al-Laknawi. Kemudian beliau mengikut bapanya berpindah ke Jounpur untuk mengajar di Madrasah al-Haj Imam Bakhshy al-Marhum. Di sana, al-Laknawi menyambung hafalan al-Quran dengan seorang guru bernama Hafiz Ibrahim. Selain beliau juga berguru secara tetap dengan bapanya sendiri. Beliau secara semula jadi dianugerahkan oleh Allah memiliki daya ingatan yang kuat. Justru, ketika berusia 10 tahun, beliau telah berjaya menghafal keseluruhan al-Quran. Malah, beliau turut menjadi imam bagi solat tarawih menurut adat kebiasaan masyarakat pada masa itu.⁴

Sejak kecil, bapanya amat mengambil berat terhadap pendidikannya. Beliau banyak membimbing serta mengajarnya berbagai ilmu alat dan asas. Kemudian al-Laknawi mula mempelajari pelbagai bidang ilmu, seperti saraf, nahu, *ma’ani, bayan*, mantik, hikmah, *tibb*, fiqh, usul al-fiqh, ilmu kalam, hadis, tafsir dan sebagainya hingga dapat menyelesaikan kesemuanya dalam usia 17 tahun. Guru dan pembimbing utama di sepanjang pengajian beliau ini adalah bapanya sendiri, Syekh ‘Abd al-Halim.⁵

Selepas kewafatan bapanya, beliau mempelajari ilmu *riyadiyyah* daripada datuk saudaranya, Mawlana Ni‘mat Allah ibn Nur Allah al-Laknawi dan ilmu hisab daripada murid bapanya, al-Mulwi Khadim Husayn al-Muzaffar puri al-‘Azim abadi.⁶

¹ al-Laknawi, *al-Raf‘ wa al-Takmil fi al-Jarh wa al-Ta‘dil* (Halab: Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah, 1987), hlm 19; Waliy al-Din al-Nadwi, *al-Imam ‘Abd al-Hayy al-Laknawi* (Dimasyq: Dar al-Qalam, 1995), hlm 57-60.

² al-Laknawi, *ibid.* hlm 19.

³ Waliy al-Din, *op.cit.* hlm 68.

⁴ al-Laknawi, *op.cit.* hlm 20-21.

⁵ Waliy al-Din, *op.cit.* hlm 68-70.

⁶ al-Laknawi, *op.cit.* hlm 21.

Beliau turut berpeluang dapat pergi menunaikan haji sebanyak dua kali. Haji kali pertama bersama bapanya pada tahun 1279H ketika beliau berusia 15 tahun. Haji kali kedua pula pada tahun 1292H ketika beliau berusia 28 tahun. Beliau turut mengambil manfaat ilmu daripada para alim ulama yang berada di Makkah dan Madinah pada masa itu.⁷

Setelah tamat pengajian, beliau telah menumpukan masanya untuk mengajar, mendidik, menelaah dan menulis di tempat asalnya, Lucknow. Demikian adalah rutin kehidupan beliau sehingga ke akhir hayatnya. Beliau pernah ditawarkan jawatan sebagai pengarah Mahkamah Tinggi Hyderabad untuk menggantikan tempat bapanya. Namun, beliau telah menolak tawaran tersebut. Beliau sudah berpuas hati dengan elau sebanyak 250 Rupee sebulan serta dapat memberi tumpuan terhadap kerja-kerja mengajar, menulis dan berkhidmat kepada masyarakat.⁸

Dalam kesibukan menyumbang jasa bakti terhadap masyarakat dan umat, beliau mula jatuh sakit pada pertengahan tahun 1303H dan kerap jatuh pengsan. Penyakit beliau berterusan sehingga akhirnya beliau meninggal dunia pada 30 Rabiulawwal tahun 1304H disebabkan serangan jantung. Beliau telah meninggal dunia dalam usia yang agak muda, iaitu kira-kira 39 tahun. Menurut al-Bandawi dalam *Kanz al-Barakat*, seramai kira-kira 20,000 orang telah datang untuk menyembahyangi jenazahnya.⁹

Sebagaimana yang telah disinggung sebelum ini, jumlah guru-guru al-Laknawi agak sedikit dan tidak begitu ramai. Secara ringkas, guru-guru utama beliau ialah:¹⁰

1. Bapanya sendiri, al-'Allamah 'Abd al-Halim bin Amin Allah al-Laknawi.
2. al-Mufti Syekh Ni'mat Allah ibn Nur Allah al-Laknawi.
3. al-Mulwi Khadim Husayn al-Muzaffar puri al-'Azim abadi.

Ketiga-tiga mereka merupakan guru utama yang mengajar ilmu-ilmu naqli dan aqli kepada beliau, terutama sekali bapanya, al-'Allamah 'Abd al-Halim. Justru, al-Laknawi begitu menyanjung dan memandang tinggi kedudukan bapanya di mana beliau menulis: "Bapaku, Mawlana Muhammad 'Abd al-Halim ialah pengarang karya-karya yang masyhur dan empunya limpahan ilmu yang banyak, yang berasa bangga dengan kewujudannya para cendekiawan India, Arab dan juga Ajam, yang bersandar dan merujuk kepadanya para pemuka alam, yang mengatasi

⁷ Waliy al-Din, *op.cit.* hlm 74-76.

⁸ *Ibid.* hlm 76-77.

⁹ *Ibid.* hlm 79-80.

¹⁰ *Ibid.* hlm 94-111.

para rakan dan para pendahulunya dari segi pengajaran dan penulisan yang baik, yang bijaksana lagi mendahului ahli zamannya dan orang sebelumnya dari segi penerimaan hasil karyanya, yang wafat pada tahun 1285H". Malah, beliau telah mengabadikan biografi bapanya di dalam sebuah kitab berjudul: *Hasrah al-'Alam bi Wafah Marji' al-'Alam*, yang bermaksud "Kerugian dunia dengan kewafatan pakar rujuk dunia".¹¹

Ketokohan bapanya dapat dilihat pada karya-karya yang dihasilkan olehnya. Antaranya ialah *al-Tahqiqat al-Mardiyyah li Hall Hashiyah al-Sayyid al-Zahid 'ala al-Risalah al-Qutbiyyah*, *al-Qawl al-Aslam li Hall Sharh al-Sulam li Mulla Hasan*, *Hall al-Ma'aqid fi Sharh al-'Aqa'id li al-Jalal al-Dawwani*, *Mu'in al-Gha'isin fi Radd al-Mughalitin*, *al-Idahat li Mabhath al-Mukhtalifat*, *Kashif al-Zulmah fi Bayan Aqsam al-Hikmah*, *Nazm al-Durar fi Silk Shaqq al-Qamar*, *Nur al-Iman fi Athar Habib al-Rahman*, *Qamar al-Aqmar Hashiyah Nur al-Anwar*, *Ta'līqat 'ala al-Hidayah (al-Si'ayah li 'Atshan al-Hidayah)* dan sebagainya.¹²

Manakala guru-guru al-Laknawi yang pernah memberikan ijazah sanad kepada beliau ialah:

4. al-'Allamah al-Sayyid Ahmad ibn Zayni Dahlan al-Makki, mufti ulama Syafii dan tenaga pengajar di Masjid al-Haram, Makkah.
5. Syekh 'Ali bin Yusuf al-Hariri al-Madani, Syaykh *al-Dala'il*.
6. al-Muhaddith Syekh 'Abd al-Ghani ibn Abi Sa'id al-Dihlawi.
7. Syekh Muhammad ibn 'Abd Allah ibn Humayd al-Hanbali al-'Amiri al-Najdi, mufti ulama Hanbali di Makkah.
8. Syekh Muhammad ibn Muhammad al-Gharb al-Syafi'i.

al-Laknawi telah melahirkan ramai anak murid yang turut menuruti jejak langkahnya. Antara murid-murid beliau ialah;¹³

1. Idris bin 'Abd al-'Aliy al-Hanafi.
2. Ifham Allah bin In'am Allah al-Ansari al-Laknawi.
3. Anwar Allah bin Syuja' al-Din al-'Umari.
4. al-Sayyid Amin bin Taha bin Zayn al-Hasani.

¹¹ al-Laknawi, *op.cit.* hlm 19-20.

¹² al-Hasani, 'Abd al-Hayy al-Nadwi, *Nuzhah al-Khawatir wa Bahjah al-Masami' wa al-Nawazir*, Jilid 7 (Beirut: Dar Ibn Hazm, 1999), hlm 1005.

¹³ Waliy al-Din, *op.cit.* hlm 120-145.

5. Badi‘ al-Zaman bin Masih al-Zaman al-Laknawi.
6. Hafiz Allah bin Din ‘Ali al-Bandawi.
7. Syir ‘Ali bin Rahm ‘Ali al-Husayni.
8. Zuhur Islam bin Hasan ‘Ali al-Kazimi.
9. Zahir Ahsan bin Subhan ‘Ali al-Nimwi.
10. ‘Abd al-Bari bin Talattuf Husayn al-Bakri.
11. ‘Abd al-Baqi bin ‘Ali Muhammad al-Ansari.
12. ‘Abd al-Halim bin Isma‘il al-Madrasi.
13. ‘Abd al-Halim bin Tafaddal Husayn al-‘Abbasi.
14. ‘Abd al-Hamid bin ‘Abd al-Karim al-Farahi.
15. ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abd al-Rahim al-Ansari.
16. Dan ramai lagi.

al-Laknawi merupakan seorang ulama yang prolifik dan telah menghasilkan banyak karangan yang bermutu dan bernilai. Ini kerana sejak remaja, beliau sudah gemar menulis dan mengarang kitab. Beliau telah menyusun banyak karya dalam pelbagai bidang ilmu seperti akidah, hadis, usul al-fiqh, fiqh, fara’id, fatwa, sejarah, sirah, biografi, mantik, nahu, saraf dan lain-lain. Kebanyakan karangannya di dalam bahasa Arab. Waliy al-Din al-Nadwi (1995) menyatakan bahawa karya beliau berjumlah sebanyak 120 buah karya. Namun, Salah Muhammad Abu al-Haj (2002) telah menambah sejumlah karya lain, termasuk yang belum disempurnakan, menjadikan kesemuanya berjumlah sebanyak 129 buah karya.

Antara karya-karya beliau yang pengkaji telah bagikan menurut bidang-bidang ilmu adalah seperti berikut:¹⁴

Ilmu saraf:

1. *Imtihan al-Talabah fi al-Siyagh al-Mushkilah*, yang merupakan kitab pertama susunan beliau.
2. *al-Tibyan fi Sharh al-Mizan*.

Ilmu akidah:

3. *Hashiyah ‘ala Hawashi al-Khayali ‘ala Sharh al-‘Aqa’id al-Nasafiyyah*.

¹⁴ al-Laknawi, *op.cit.* hlm 22-27; Waliy al-Din, *ibid.* hlm 165-298; Salah Muhammad Abu al-Haj, *al-Manhaj al-Fiqhi li al-Imam al-Laknawi* (Amman: Dar al-Nafa’is, 2002), hlm 93-133.

4. *Hashiyah ‘ala Sharh al-Mawaqif.*
5. *Hashiyah ‘ala Sharh ‘Aqa’id al-Nasafi.*

Ilmu mantik:

6. *‘Alam al-Huda.*
7. *Hall al-Mughlaq fi Bahth al-Majhul al-Mutlaq.*
8. *al-Kalam al-Matin fi Tahrir al-Barahin.*

Ilmu sejarah atau tarikh:

9. *Hasrah al-‘Alam bi Wafah Marji‘ al-‘Alam*
10. *al-Fawa’id al-Bahiyyah fi Tarajim al-Hanafiyyah*
11. *Khayr al-‘Amal bi Dhikr Tarajim ‘Ulama’ Farangi Mahal*
12. *al-Nasib al-Awfar fi Tarajim ‘Ulama’ al-Mi’ah al-Thalithah ‘Ashar.*
13. *Inba’ al-Khillan bi Anba’ ‘Ulama’ Hindustan*
14. *Ibraz al-Ghayy al-Dafi‘ fi Shifa’ al-‘Iyy*
15. *Tarb al-Amathil bi Tarajim al-Afadil*
16. *Farhah al-Mudarrisin bi Asma’ al-Mu’allafat wa al-Mu’allifin*

Ilmu fiqh:

17. *Iqamah al-Hujjah ‘ala Ann al-Ikthar min al-Ta‘abbud Lays bi Bid‘ah,*
18. *Sibahah al-Fikr fi al-Jahr bi al-Dhikr,*
19. *Tuhfah al-Akhyar bi Ihya’ Sunnah Sayyid al-Abرار,*
20. *Nukhbah al-Anzar ‘ala Tuhfah al-Akhyar* (yang kesemua kitab ini ditahkik oleh Syekh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah)
21. *Majmu‘ah al-Fatawa*
22. *Naf‘ al-Mufti wa al-Sa‘il bi Jam‘ Mutafarriqat al-Masa‘il*
23. *al-Si‘ayah fi Kashf ma fi Sharh al-Wiqayah*
24. *al-Nafi‘ al-Kabir li Man Yutali‘ al-Jami‘ al-Saghir*
25. *Akam al-Nafa‘is fi Ada’ al-Adhkar bi Lisan Faris*
26. *al-Kalam al-Mubram fi Naqd al-Qawl al-Muhaqqaq al-Muhkam*
27. *al-Fulk al-Mashhun fi ma Yata‘allaq bi Intifa‘ al-Murtahin bi al-Ruhun*
28. *Hadiyah al-Abrar fi Subhah al-Adhkar.*

Ilmu hadis:

29. *al-Raf' wa al-Takmil fi al-Jarh wa al-Ta'dil*,
30. *al-Ajwibah al-Fadilah li al-As'ilah al-'Asyarah al-Kamilah*,
31. *Zafar al-Amani bi Sharh Mukhtasar al-Sayyid al-Syarif al-Jurjani* (yang ketiga-tiga kitab ini ditahkik oleh Syekh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah)
32. *al-Athar al-Marfu 'ah fi al-Akhbar al-Mawdu 'ah*
33. *al-Ta'liq al-Mumajjad 'ala Muwatta' al-Imam Muhammad*.

Ilmu akhlak:

34. *Zajr al-Shubban wa al-Shibah 'an Irtikab al-Ghibah*
35. *'Umdah al-Nasa'ih bi Tark al-Qaba'ih*

Waliy al-Din al-Nadwi (1995) telah menghuraikan secara terperinci setiap satu karya beliau ini di dalam bukunya yang khusus mengenai biografi Imam al-Laknawi.¹⁵

al-Laknawi jelas berpegang dengan mazhab Hanafi sebagaimana yang tertera pada gelaran ‘al-Hanafi’ yang sering beliau letakkan pada namanya. Malah, karya-karya fiqhnya menunjukkan kepada mazhab pegangannya ini tanpa ragu-ragu lagi. Namun, beliau bukanlah seorang yang sangat taksub kepada mazhabnya kerana beliau berpegang dengan prinsip mengutamakan dalil yang kuat di dalam setiap pandangannya. Beliau pernah menyatakan:

وَمِنْ مَنْحِهِ تَعَالَى أَنَّهُ رَزَقَنِي التَّوْجِهَ إِلَى فَنِ الْحَدِيثِ وَفَقِيمَتِهِ، وَلَا أَعْتَدَ عَلَى مَسَأَلَةٍ مَا لَمْ يُوجَدْ لَهَا أَصْلٌ مِنْ آيَةٍ أَوْ حَدِيثٍ. وَمَا كَانَ خَلَفَ الْحَدِيثِ الصَّحِيفِ الْصَّرِيحِ أَتَرَكُهُ، وَأَظُنَّ الْمُجْتَهِدَ فِيهِ مَعْذُورًا، بَلْ مَأْجُورًا، وَلَكِنِّي لَسْتُ مِنْ يُشُوشُ الْعَوَامَ الَّذِينَ هُمْ كَالْأَنَاعِمِ، بَلْ أَنْكُلُمُ بِالنَّاسِ عَلَى قَدْرِ عُقُولِهِمْ.

Terjemahan: “Dan antara kurniaan Allah Taala kepadaku ialah Dia memberikan aku kecenderungan terhadap ilmu hadis dan fiqh hadis, dan aku tidak akan berpegang pada sesuatu masalah selagi mana tidak ditemui baginya dalil asal daripada ayat al-Quran mahu pun hadis. Dan apa yang bercanggah dengan hadis yang sahih lagi sarih, aku akan tinggalkannya, dan aku menganggap mujtahid yang mengeluarkan hukum tersebut adalah *ma'dhur* (dimaafkan), bahkan diberikan pahala. Tetapi, aku bukanlah dari kalangan orang yang gemar mengganggu orang awam, yang mana mereka itu adalah seperti haiwan, bahkan aku berbicara dengan orang ramai menurut kadar akal fikiran mereka”.¹⁶

¹⁵ Waliy al-Din, *ibid.* hlm 165-298.

¹⁶ al-Laknawi, *op.cit.* hlm 28.

Meskipun al-Laknawi seorang yang sangat alim dalam ilmu hadis dan fiqh serta mampu berijtihad mengeluarkan hukum sendiri, walaupun ijtihadnya kadangkala bercanggah dengan mazhab Hanafi, namun beliau sama sekali tidak mengganggu dan mengelirukan pegangan yang sudah sedia ada di kalangan masyarakatnya pada masa itu. Ia merupakan suatu tindakan yang betul dan langkah yang tepat diambil oleh beliau dalam menjaga kepentingan awam lebih daripada kepentingan peribadi. Di samping beliau sedar bahawa pandangan yang mereka pegang juga masih di dalam ruang lingkup ijtihad para ulama.

Ramai ulama yang memuji dan menyanjung sahsiah dan ketokohan al-Laknawi. Antaranya adalah daripada tokoh-tokoh berikut:

i- al-'Allamah al-Sayyid 'Abd al-Hayy al-Hasani al-Nadwi (w. 1341H) di dalam kitabnya *Nuzhah al-Khawatir wa Bahjah al-Masami' wa al-Nawazir*, berkata: "Seorang yang bijak lagi cerdik, tajam ingatan, menjaga kehormatan, bersifat lemah lembut, seorang khatib yang fasih, yang melaut dalam pelbagai ilmu *ma'qul* dan *manqul*, mengetahui perkara-perkara syarak yang halus dan sulit, menguasai pelbagai bidang ilmu, berhati-hati dalam menukilkan hukum hakam dan memperhalusi masalah-masalah, menjadi tokoh tunggal di India dengan ilmu fatwa, hingga para kafilah berjalan dengan menyebarkan namanya, sehingga para ulama setiap iklim turut menunding jari pada kehebatannya. Beliau mempunyai kekuatan lengkap, kemampuan sempurna, kelebihan penuh serta cakupan menyeluruh di dalam bab usul dan furuk. Juga mempunyai seni kemahiran dalam penyampaian ilmu yang baik, yang tidak mampu ditandingi oleh orang lain... Walhasil, beliau merupakan antara keajaiban zaman dan juga antara keindahan benua India. Ucapan pujian terhadapnya merupakan satu kata sepakat dan pengiktirafan terhadap wibawanya bukanlah lagi suatu perselisihan."¹⁷

ii- al-'Allamah al-Sayyid Siddiq Hasan Khan al-Qinnawji (w. 1307H) yang meskipun berbeza pandangan dengan al-Laknawi dalam beberapa isu, namun ketika beliau mendengar berita kewafatannya, beliau telah mengalirkan air mata, mengucapkan doa dan memohon rahmat kepadanya serta berkata: "Pada hari ini telah terbenamnya matahari ilmu".¹⁸

iii- al-'Allamah Syekh Ibrahim bin 'Uthman al-Samannudi al-Misri (w. selepas 1326H) dalam kitabnya *Sa'adah al-Darayn* kata beliau: "Tokoh sezaman kami dan salah seorang golongan mulia

¹⁷ al-Hasani, *op.cit.* Jilid 8, hlm 1268.

¹⁸ Waliy al-Din, *op.cit.* hlm 84.

zaman kami di India, *mawlana*, ‘allamah zaman ini, matahari ahli ‘*irfan*, yang soleh kamil dan cendekiawan mulia, pengarang banyak karya-karya bermanfaat dan kitab-kitab susunan yang berfaedah, yang wafat pada tahun 1304 H, رحمه الله تعالى, sedang beliau adalah ‘allamah dunia’.¹⁹

iv- al-‘Allamah al-Sayyid ‘Abd al-Hayy bin ‘Abd al-Kabir al-Kattani (w. 1382H) dalam *Fihris al-Faharis* kata beliau: “Penutup ulama India, yang paling banyak menyusun karya antara kalangan mereka, serta yang paling sempurna kupasan, telaah, seimbang dan sederhananya di antara mereka... Beliau adalah pemilik hemah yang tidak mengenal rasa jemu, serta empunya penumpuan jitu dalam mencatat, mengumpul dan menelaah yang tidak disentuh rasa penat lelah, di samping sifat kebijaksanaan dan kesejahteraan akal fikirannya”.²⁰

Terdapat banyak lagi puji dan sanjungan para ulama dan ahli ilmu terhadap beliau yang membuktikan ketokohan dan kedudukan tinggi beliau di sisi mereka.

Metodologi Penulisan Kitab *Zafar al-Amani*

Sebagaimana yang jelas dalam mukadimah kitab, al-Laknawi memberikan judul kitabnya ini: *Zafar al-Amani fi Mukhtasar al-Jurjani*. Namun di tempat lain, beliau memberikannya judul: *Zafar al-Amani bi Sharh al-Mukhtasar al-Mansub ila al-Jurjani* dengan tambahan kalimah ‘*al-Mansub ila*’ (yang disandarkan kepada). Namun pentahkik kitab, Syekh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah telah mencetaknya dengan judul: *Zafar al-Amani bi Sharh Mukhtasar al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani* tanpa kalimah ‘*al-Mansub ila*’ kerana beliau berpendapat ianya lebih tepat kerana kitab *Mukhtasar* sememangnya karya al-Jurjani.²¹

Kitab al-Laknawi ini merupakan syarah terhadap *Mukhtasar*, sebuah kitab ‘*ulum al-hadith* karya al-‘Allamah al-Sayyid al-Syarif ‘Ali bin Muhammad bin ‘Ali al-Husayni al-Jurjani al-Hanafi (w. 816H). Judul kitab al-Jurjani ini berbeza antara satu versi dengan satu versi yang lain. Antara judulnya; *al-Mukhtasar fi ‘Ilm Mustalah al-Hadith* atau *Mukhtasar fi ‘Ulum al-Hadith* atau *Risalah fi Usul al-Hadith*²² atau juga disebut dengan judul *al-Dibaj al-Mudhahhab*.²³ Oleh kerana kemasyhurannya, kitab al-Jurjani ini juga mempunyai banyak versi cetakan di pelbagai negara.

¹⁹ al-Laknawi, *op.cit.* hlm 39.


²⁰ al-Kattani, ‘Abd al-Hayy bin ‘Abd al-Kabir, *Fihris al-Faharis*, Jilid 2 (Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, 1982), hlm 728.

²¹ al-Laknawi, *Zafar al-Amani fi Mukhtasar al-Jurjani* (Dubai: Dar al-Qalam, 1995), hlm 17-18.

²² Seperti cetakan Dar al-Rasyid, Riyadh pada tahun 1407H yang ditahkik oleh ‘Ali Zuwayn dengan judul: *Risalah fi Usul al-Hadith*.

²³ Seperti cetakan Dar al-Hadith, Kaherah pada tahun 1405H yang ditahkik oleh ‘Abd al-Ghaffar Sulayman al-Bandari dengan judul: *al-Dibaj al-Mudhahhab*.

Secara ringkas, kitab al-Jurjani sebenarnya merupakan ringkasan daripada dua buah karya susunan Imam al-Tibi (w. 743H), iaitu kitab *al-Khulasah fi Usul al-Hadith* dan mukadimah kitab *al-Kashif ‘an Haqa’iq al-Sunan*. Imam al-Tibi pula meringkaskannya daripada kitab *al-Taqrib* oleh Imam al-Nawawi (w. 676H) dan kitab *al-Manhal al-Rawi fi Mukhtasar ‘Ulum al-Hadith al-Nabawi* oleh Imam Badr al-Din ibn Jama‘ah (w. 733H), yang mana kedua-duanya merupakan ringkasan daripada kitab *al-Muqaddimah* oleh Imam Ibn al-Salah (w. 643H).²⁴



Gambar 1: Susur galur asal bagi kitab *Zafar al-Amani*

²⁴ al-Laknawi, *op.cit.* hlm 5-6.

Kitab *Mukhtasar al-Jurjani* menurut al-Laknawi merupakan sebuah kitab *usul al-hadith* ringkas yang terbaik sehingga ia menjadi masyhur dan tersebar dengan luas. Beliau melihat di zamannya, orang turut memberi tumpuan dalam mempelajari kitab ini dan juga mengajarkannya. Namun begitu, beliau melihat tidak ada satu kitab syarah pun yang dapat menerangkan dan menghuraikan dengan lebih lanjut ibarat-ibarat kitab ini, sama ada ibaratnya yang jelas mahu pun ibaratnya yang samar. Lantas, beliau pun mengambil inisiatif dan tanggungjawab untuk memenuhi keperluan tersebut.²⁵

Selain disebabkan kitab *Mukhtasar al-Jurjani* yang disusun dalam bentuk yang amat ringkas, pengkaji berpendapat ada faktor dorongan yang lain bagi al-Laknawi menyusun syarahnya. Iaitu kitab *Mukhtasar al-Jurjani* ini tidak disusun untuk menonjolkan mazhab Hanafi, sedangkan pengarangnya bermazhab Hanafi dan kebanyakannya yang mempelajarinya dan juga mengajarkannya di benua India pada waktu itu adalah bermazhab Hanafi. Malah dalam sesetengah tempat, al-Jurjani seperti hanya mengikut dan menyokong mazhab Syafii seperti membagikan khabar hanya kepada *khabar mutawatir* dan *khabar ahad* sahaja, tanpa mengeluarkan *khabar masyhur* secara berasingan daripada *khabar ahad*,²⁶ menyatakan bahawa khabar *mawquf* bukanlah hujah menurut pandangan yang paling sahih²⁷ dan meletakkan hadis *mursal* dalam kategori hadis daif tanpa sebarang perincian dan huraian lanjut tentang kehujahannya.²⁸ Bahkan, terdapat juga sedikit kesalahan di dalamnya, seperti memasukkan khabar *mawquf* dan *maqtu'* ke dalam kategori hadis daif, sedangkan yang menentukan status kedua-duanya ialah sanad. Maka secara zahir, jika sahih sanadnya, maka sahihlah khabar *mawquf* dan *maqtu'* tersebut, dan jika daif sanadnya, maka daiflah khabar *mawquf* dan *maqtu'* tersebut.²⁹

Justru dengan kedudukan kitab seperti ini, al-Laknawi menyedari bahawa dengan mensyarahkannya akan membantu para pelajar mahu pun pengajar lebih memahami dan mendalami kandungan kitab *Mukhtasar al-Jurjani* yang ringkas itu. Di samping lebih meraikan usul mazhab Hanafi berkaitan hadis di dalamnya. Justru pengkaji berpendapat, kemungkinan di atas faktor-faktor ini semua yang mendorong al-Laknawi bertekad untuk mensyarahkannya.

²⁵ al-Laknawi *op.cit.* hlm 28-29.

²⁶ *Ibid.* hlm 39.

²⁷ *Ibid.* hlm 326.

²⁸ *Ibid.* hlm 343.

²⁹ *Ibid.* hlm 325.

al-Laknawi mula menyusun syarahnya pada tahun 1285H ketika beliau menetap di Hyderabad. Beliau telah menyiapkan separuh daripadanya, iaitu sehingga perbahasan hadis *al-musalsal*. Kemudian penyusunannya terhenti lama kerana berbagai kesibukan dan faktor lain. Beliau tidak menyudahkannya sehinggalah semakin banyak dorongan untuk beliau menyiapkannya yang datang daripada kalangan para pelajar dan para ilmuwan. Oleh kerana desakan yang berterusan, beliau akhirnya menyambut saranan mereka hinggaalah beliau berjaya menyiapkan syarah tersebut pada hari Selasa 12 Safar tahun 1304H, iaitu kira-kira sebulan lebih sebelum kewafatannya.³⁰

Kitab ini telah dicetak beberapa kali dan butir-butir keterangannya seperti mana berikut:

- Ia pertama kali dicetak selepas kewafatan pengarangnya di al-Matba‘ Cisymah Fayd di Lucknow, India pada tahun 1304H. Penerbitannya telah diusahakan oleh al-Mulwi Khadim Husayn al-‘Azim abadi, Nadir Husayn dan Syekh Muhammad ‘Abd al-Hamid bin Muhammad ‘Abd al-Halim bin Muhammad ‘Abd al-Hakim al-Laknawi.
- Kemudian ia dicetak oleh Dar al-Qalam, Dubai, Emiriah Arab Bersatu pada tahun 1994 (1414H) dengan ditakhik oleh Dr. Taqiy al-Din al-Nadwi.
- Setelah itu, muncul pula cetakan Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah, Halab, Syria yang ditakhik oleh Syekh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah pada tahun 1995 (1416H). Bersama cetakan ini disertakan sebuah lampiran berjudul: *Akhta’ al-Duktur Taqiy al-Din al-Nadwi fi Tahqiq Kitab Zafar al-Amani li al-Laknawi* yang mengkritik cetakan yang ditakhik oleh Dr. Taqiy al-Din al-Nadwi di atas.
- Kitab ini juga telah dicetak oleh Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut dengan ditakhik oleh Khalil al-Mansur pada tahun 1998.

Kitab syarah al-Laknawi dianggap antara kitab terpenting dalam ilmu *mustalah al-hadith* yang dihasilkan oleh ulama mutaakhirin. al-Laknawi mempersembahkan isi perbahasan kitab ini secara lengkap dan detail. Beliau turut menghuraikan di dalamnya permasalahan-permasalahan ilmu hadis yang rumit dan menjadi perselisihan di kalangan para ulama.

Sebagaimana yang telah diterangkan, kitab *Zafar al-Amani* ini merupakan syarah kepada kitab *Mukhtasar al-Jurjani*, maka keseluruhan susunan kitab syarah ini sudah pastinya adalah

³⁰ *Ibid.* hlm 524.

sama dengan susunan kitab asal berkenaan. Susunannya secara umum, dibagikan kepada dua bagian, iaitu bagian *al-Muqaddimah* dan bagian *al-Maqasid*.

Bagian *al-Muqaddimah* adalah berkaitan penjelasan mengenai usul dan beberapa istilah hadis, iaitu *al-matn*, *al-hadith*, *al-sanad*, *al-isnad*, *al-mutawatir* dan *al-ahad*. Manakala bagian *al-Maqasid* pula terdiri daripada empat buah bab, iaitu:

1. Bab pertama, mengenai bagian-bagian hadis dan jenis-jenisnya, yang merupakan bab yang paling panjang dalam kitab ini. Ia mengandungi tiga fasal, iaitu fasal pertama mengenai hadis sahih, fasal kedua mengenai hadis hasan dan fasal ketiga mengenai hadis daif serta pembagiannya secara terperinci.
2. Bab kedua, mengenai *al-jarh wa al-ta‘dil*. Ia mengandungi dua fasal, iaitu fasal pertama mengenai *al-‘adalah wa al-dabt* dan fasal kedua mengenai *al-jarh*.
3. Bab ketiga, mengenai proses periwayatan hadis (*tahammul al-hadith*). Ia membincangkan tentang tujuh kaedah dalam proses periwayatan hadis.
4. Dan bab keempat, mengenai nama-nama para perawi hadis (*asma’ al-rijal*). Ia didahului dengan perbincangan mengenai takrif *al-sahabi* dan *al-tabi‘i*.

Di dalam setiap bagian dan bab, al-Laknawi telah menambah banyak perbahasan tambahan lain dan contoh-contoh penjelasan bagi melengkapkan kitab syarahannya. Jadual di bawah berikut dapat menunjukkan susunan dan perbandingan kandungan antara kedua-dua buah kitab, antara kitab yang mensyarah, iaitu *Zafar al-Amani* dan kitab yang disyarahkan, iaitu *Mukhtasar al-Jurjani*.

Susunan dan Perbandingan Kandungan Antara Kitab *Zafar al-Amani* dan Kitab *Mukhtasar al-Jurjani*

Bil.	<i>Zafar al-Amani</i>	<i>Mukhtasar al-Jurjani</i>
1.	المقدمة في بيان أصول الحديث ومصطلحاته	المقدمة في بيان أصول الحديث ومصطلحاته
2.	- تعريف المتن	- تعريف المتن
3.	- تعريف الحديث	- تعريف الحديث
4.	السنة والأثر والخبر	-
5.	- السند	- السند

6.	- الإسناد	- الإسناد
7.	- الخبر المتواتر	- الخبر المتواتر
8.	أبحاث متعلقة بالخبر المتواتر: ١- في تقسيم الكلام إلى الخبر والإنشاء	-
9.	٢- في معنى الصدق والكذب	-
10.	٣- في تقسيم الخبر إلى الصادق والكاذب واحتماله الصدق والكذب	-
11.	٤- في ذكر المتواتر والمشهور والأحاد	-
12.	٥- في عدد رواة التواتر	-
13.	٦- في شروط التواتر	-
14.	٧- كون العلم الحاصل بالمتواتر ضرورياً أو نظرياً	-
15.	٨- في علامة تواتر الخبر	-
16.	٩- في الفرق بين المتواتر والمشهور	-
17.	١٠- في إفادة المشهور وخبر الأحاد العلم	-
18.	بحث وجود مثال للمتواتر و عدمه	وجود مثال للمتواتر و عدمه
19.	- خبر الأحاد	- خبر الأحاد
20.	إيجاب خبر الأحاد العمل دون العلم	-
21.	تبنيات متعلقة بخبر الأحاد: ١- في معنى قولهم: خبر الواحد موجب للعمل	-
22.	٢- في تقسيمه إلى المقبول وغيره	-
23.	٣- فيما يشترط لقبوله وما لا يشترط	-
24.	بحث المستفيض والمشهور والعزيز والغريب	-
25.	إبطال أن كون الحديث عزيزاً شرط البخاري	-
26.	الرد على من قال: إن العزيز لا يوجد	-
27.	بحث كثرة الأحاديث والطرق	- كثرة الأحاديث والطرق
28.	المقصود: (مرتبة على أربعة أبواب)	المقصود: (مرتبة على أربعة أبواب)
29.	ذكر ألفاظ التعديل ومراتبه	-
30.	ذكر ألفاظ الجرح ومراتبه	-
31.	إطلاق المنكر ومنكر الحديث	-

32.	أبحاث أسماء الرواة وأنسابهم وما يتعلق بها: - بحث المهمل	-
33.	- بحث المؤلف والمختلف	-
34.	- بحث المشابه	-
35.	- معرفة طبقات الرواية	-
36.	- معرفة المواليد والوفيات	-
37.	- معرفة البلاد والأوطان	-
38.	- معرفة أسماء المكتبين	-
39.	- معرفة كنى المسمىين	-
40.	- معرفة من اسمه كنيته	-
41.	- معرفة من اختلف في اسمه أو كنيته	-
42.	- معرفة من كثرت كناه أو نعوتها	-
43.	- معرفة من وافق كنيته كنية زوجته أو وافق اسمه كنية أبيه ونحو ذلك	-
44.	- معرفة من وافق اسم أبيه واسم شيخه	-
45.	- معرفة من نسب إلى غير أبيه	-
46.	- معرفة من نسب إلى أمها	-
47.	- معرفة من نسب إلى جده	-
48.	- معرفة من نسب إلى جدته	-
49.	- معرفة من نسب إلى غير ما يسبق إلى الفهم	-
50.	- معرفة من اتفق اسمه مع اسم أبيه وجده	-
51.	- معرفة من اتفق اسمه مع اسم شيخه وشيخ شيخه	-
52.	- معرفة من وافق اسم شيخه مع اسم تلميذه	-
53.	- معرفة أحوال الأسماء المجردة	-
54.	- معرفة الأسماء المفردة	-
55.	- معرفة الألقاب	-
56.	- معرفة الأنساب	-
57.	(أ) الباب الأول: في أقسام الحديث	(أ) الباب الأول: في أقسام الحديث
58.	١- الفصل الأول: في الصحيح	١- الفصل الأول: في الصحيح

59.	- أقسام الصحيح	- أقسام الصحيح
60.	بحث أصح الأسانيد	-
61.	ذكر المتفق عليه	-
62.	- شرط الشيفين	- شرط الشيفين
63.	أخذ الصحيح من غير الصحيحين	-
64.	- بحث التعليق	- التعليق
65.	٢- الفصل الثاني: في الحسن	٢- الفصل الثاني: في الحسن
66.	- أقسام الحسن	- أقسام الحسن
67.	- الفرق بين الصحيح والحسن	- الفرق بين الصحيح والحسن
68.	تعاريف الحسن مع مالها وما عليها	-
69.	ذكر شروط الأئمة الستة وغيرهم	-
70.	- بحث قول الترمذى: حسن صحيح ونحوه	- قول الترمذى: حسن صحيح ونحوه
71.	- الصحيح لغيره	- الصحيح لغيره
72.	- بحث الضعيف الذي لا يحتاج به والذي يحتاج به	- الضعيف الذي لا يحتاج به والذي يحتاج به
73.	ذكر بعض الأمثلة	-
74.	٣- الفصل الثالث: في الضعيف	٣- الفصل الثالث: في الضعيف
75.	- التساهل في روایة الضعيف	- التساهل في روایة الضعيف
76.	بحث نفيض في قبول الضعيف في فضائل الأعمال	-
77.	معنى عدم قبول خبر الآحاد في العقائد	-
78.	عدة عبارات من أقسام الحديث: (١) الضرب الأول: ما يشتر� فيه الصحيح والحسن والضعيف: ١- المسند	عدة عبارات من أقسام الحديث: (١) الضرب الأول: ما يشترک فيه الصحيح والحسن والضعف: ١- المسند
79.	٢- المتصل	٢- المتصل
80.	٣- المرفوع	٣- المرفوع
81.	بحث قول الصحابي: أمرنا بـكذا	-
82.	قول الصحابي: من السنة كذا	-
83.	قول الصحابي: كنا نفعل كذا	-
84.	٤- المعنون	٤- المعنون

85.	٥- المعلق	٥- المعلق
86.	٦- الأفراد	٦- الأفراد
87.	٧- المدرج	٧- المدرج
88.	ذكر بعض الأمثلة	-
89.	٨- المشهور (اللغوي)	٨- المشهور (اللغوي)
90.	ذكر بعض الأمثلة	-
91.	٩- الغريب	٩- الغريب
92.	١٠- العزيز	١٠- العزيز
93.	١١- المصحف	١١- المصحف
94.	١٢- المسلسل	١٢- المسلسل
95.	ذكر بعض المسلسلات من مرويات المؤلف	-
96.	- ذكر الاعتبار	- ذكر الاعتبار
97.	(٢) الضرب الثاني: ما يختص بالضعف: ١- الموقف	(٢) الضرب الثاني: ما يختص بالضعف: ١- الموقف
98.	بحث في حجية قول الصحابي وغيره	-
99.	بحث في تقسيم الصحابة	-
100.	٢- المقطوع	٢- المقطوع
101.	٣- المرسل	٣- المرسل
102.	بحث قبول المرسل	-
103.	٤- المنقطع	٤- المنقطع
104.	٥- المعضل	٥- المعضل
105.	٦- الشاذ	٦- الشاذ
106.	٧- المنكر	٧- المنكر
107.	إطلاق المنكر	-
108.	٨- المعلم	٨- المعلم
109.	ذكر بعض الأمثلة	-
110.	٩- المدلس	٩- المدلس
111.	- ذكر أقسام التدليس	ـ ذكر أقسام التدليس
112.	أسماء المدلسين	-

113.	١٠- المضطرب	١٠- المضطرب
114.	ذكر الأحاديث المضطربة	-
115.	١١- المقلوب	١١- المقلوب
116.	ذكر بعض المقلوبات	-
117.	١٢- الموضوع	١٢- الموضوع
118.	بحث نفيس في حكم ما اختلف الحفاظ في تصححه وتحسينه وضعفه ووضعه	-
119.	ذكر بعض الأمثلة في اختلافهم	-
120.	بحث ما يعرف به الوضع	- ما يعرف به الوضع
121.	ذكر بعض الأخبار الموضوعات	-
122.	ذكر أقسام الوضاعين	- ذكر أقسام الوضاعين
123.	ذكر بعض الموضوعات	- ذكر بعض الموضوعات
124.	ذكر كتاب الموضوعات لابن الجوزي	- ذكر كتاب الموضوعات لابن الجوزي
125.	ذكر من صنف في الموضوعات	-
126.	(ب) الباب الثاني: في الجرح والتعديل	(ب) الباب الثاني: في الجرح والتعديل
127.	ذكر المتعنتين في الجرح	-
128.	١- الفصل الأول: في العدالة والضبط	١- الفصل الأول: في العدالة والضبط
129.	بحث البدعات والفسق	-
130.	بحث الرواية بالمعنى	-
131.	وجوه الفرق بين الرواية والشهادة	-
132.	٢- الفصل الثاني: في الجرح	٢- الفصل الثاني: في الجرح
133.	(ج) الباب الثالث: في تحمل الحديث	(ج) الباب الثالث: في تحمل الحديث
134.	- بحث روایة الصبيان وغيرهم	- روایة الصبيان وغيرهم
135.	- طرق تحمل الحديث:	- طرق تحمل الحديث:
	١- السمع	١- السمع
136.	٢- القراءة على الشيخ	٢- القراءة على الشيخ
137.	الفرق بين "حدثنا" و"أخبرنا"	-
138.	ذكر أرفع أقسام الرواية	-
139.	٣- الإجازة	٣- الإجازة

140.	٤ - المناولة	٤ - المناولة
141.	٥ - المکاتبة	٥ - المکاتبة
142.	طريقة كتاب المکاتب	-
143.	٦ - الإعلام	٦ - الإعلام
144.	٧ - الوجادة	٧ - الوجادة
145.	(د) الباب الرابع: في أسماء الرجال	(د) الباب الرابع: في أسماء الرجال
146.	١ - تعريف الصحابي	١ - تعريف الصحابي
147.	بحث نفيس متعلق بالصحابية، فيه عشرون فائدة.	-
148.	٢ - تعريف التابعي	٢ - تعريف التابعي
149.	كون الإمام أبي حنيفة تابعياً.	-
150.	٣ - مواليد ووفيات بعض الأئمة	٣ - مواليد ووفيات بعض الأئمة

Manakala metode syarahan atau huraian yang digunakan oleh al-Laknawi di dalam syarahnya dapat dilihat sebagaimana keterangan berikut:

- Bagi menghuraikan kitab *Mukhtasar al-Jurjani*, al-Laknawi akan menuliskan terlebih dahulu sebagian frasanya, kemudian baru diikuti dengan syarahan daripada beliau, sebagaimana metode yang popular dipilih oleh kebanyakan ulama dalam menyusun sesebuah kitab syarah. Ini kerana metode sebegini memudahkan pembaca untuk memahami teks yang disyarahkan satu persatu. Secara umumnya, kedudukan kitab *Mukhtasar al-Jurjani* adalah sebagai matan, manakala kedudukan kitab *Zafar al-Amani* pula adalah sebagai syarahnnya.
- Kadar syarah yang disampaikan oleh al-Laknawi tidak sama dari segi ukuran panjang pendeknya. Adakalanya beliau mensyarahkan sesuatu frasa dengan kadar yang sederhana dan adakalanya pula beliau mensyarakannya dengan syarahan yang agak panjang lebar. Ini berlaku berdasarkan keperluan perbahasan bagi sesuatu topik yang dibincangkan. Al-Laknawi turut menambah perbahasan-perbahasan tambahan lain bagi melengkapkan syarahnya. Dalam jadual di atas, menunjukkan secara jelas perbahasan-perbahasan tambahan yang dibuat oleh al-Laknawi ke atas kitab *Mukhtasar al-Jurjani*. Secara kasar, mungkin dapat dianggarkan kitab syarah al-Laknawi ini adalah lebih besar sebanyak tujuh atau lapan kali ganda daripada kitab asal yang disyarah.

iii. Selain menjelaskan makna, al-Laknawi juga membawakan banyak contoh penjelasan dalam topik-topik yang dibincangkan. Ini kerana kandungan kitab *Mukhtasar al-Jurjani* yang asal terlalu ringkas hingga contoh yang diberi dalam sesuatu topik adakalanya hanya dalam bentuk makna hadis sahaja dan adakalanya tidak ada contoh sama sekali. Maka, al-Laknawi telah menyempurnakan dan menambah contoh-contoh penjelasan mengenainya di dalam syarahan beliau.

iv. Dalam memetik hadis, al-Laknawi secara konsisten akan menyatakan sumber asal hadis, jika ianya mempunyai sumber asal serta menyebutkan statusnya sama ada sahih, hasan, daif dan sebagainya. Misalnya dalam membawakan contoh hadis-hadis yang masyhur di kalangan masyarakat, al-Laknawi menyebutkan:³¹

منها حديث: "الوضوء على الوضوء نور على نور"، اشتهر عند الفقهاء وذكره في كتبهم، ولا اعتبار له عند المحدثين، فقد قال الحافظ العراقي في تخریج أحاديث الإحياء: لم أجد له أصلاً، انتهى. وكذا قال العلامة محمد طاهر الفتني في آخر كتابه مجمع البحار: إنه لم يوجد، ونقل الحافظ السخاوي في المقاصد الحسنة عن شيخه ابن حجر أنه حديث ضعيف، رواه رزين في مسنده.

Terjemahan: “Antaranya hadis: “Wuduk di atas wuduk merupakan cahaya di atas cahaya”. Ia cukup masyhur di sisi para fuqaha’ dan disebut dalam kitab-kitab mereka. Sedangkan ianya tidak boleh diambil iktibar menurut para muhaddithin. Kata al-Hafiz al-‘Iraqi dalam *Takhrij Ahadith al-Ihya’*: “Aku tidak menemukan asal baginya”. Demikian juga kata al-‘Allamah Muhammad Tahir al-Futtani di akhir kitabnya *Majma‘ al-Bihar*; bahawa ianya tidak wujud. al-Hafiz al-Sakhawi menukilkan dalam *al-Maqasid al-Hasanah* daripada gurunnya, Ibn Hajar bahawa ianya hadis daif, diriwayatkan oleh Razin dalam *Musnadnya*”.

v. Antara kebiasaan al-Laknawi sebagaimana dalam kebanyakan karyanya yang lain ialah membuat catatan nota kaki di bagian bawah kitab. Begitu juga dengan karyanya ini, al-Laknawi turut melengkapi syarahannya dengan catatan nota kaki jika perlu bagi menjelaskan sesuatu pernyataan, masalah atau isu yang perlu kepada penjelasan lebih lanjut. Namun, kebanyakannya adalah berbentuk kritikan terhadap tulisan Syekh Siddiq Hasan Khan al-Qinnawji (w. ١٣٠٧H) yang disamarkan namanya oleh al-Laknawi sebagai (غير ملتزم الصحة من أفضلي عصرنا) yang bermaksud “orang yang tidak melazimi perkara sahih dari kalangan tokoh zaman kita”. Catatan nota kaki tersebut akan diakhiri dengan lafadz (منه) yang bermaksud: “Daripadanya”, iaitu daripada

³¹ al-Laknawi, *ibid.* hlm 269.

pensyarah kitab. Misalnya, dalam mengulas tentang nama al-Khattabi sebagai Hamd, bukannya Ahmad, al-Laknawi berkata:³²

لا أَحْمَدُ، كَمَا وَقَعَ فِي "إِتْحَافِ النَّبَلَاءِ" لِغَيْرِ مُلْتَزِمِ الصَّحَّةِ مِنْ أَفَاضِلِ عَصْرَنَا عِنْدَ ذِكْرِ "إِصْلَاحِ غُلْطِ الْمُهَدِّثِينَ" لِلْخَطَابِيِّ، فَإِنَّهُ
خَطَا فَاحْشٌ... (مِنْهُ)

Terjemahan: “Bukan Ahmad, sebagaimana yang terdapat dalam *Ithaf al-Nubala'* oleh orang yang tidak melazimi perkara sahih dari kalangan tokoh zaman kita ketika beliau menyebut kitab *Islah Ghatalat al-Muhaddithin* oleh al-Khattabi. Sesungguhnya ia merupakan satu kesilapan yang teruk... (Daripadanya).”

vi. Di dalam huraianya, al-Laknawi lebih banyak memberi tumpuan kepada perbincangan isi kandungan kitab *Mukhtasar al-Jurjani* secara ilmiah dan kurang menyentuh tentang aspek linguistiknya kecuali jika ia perlu sahaja. Misalnya, agar pembaca dapat membaca dengan betul lafaz *al-mudraj* (المدرج), al-Laknawi menerangkan kedudukannya (al-Laknawi 1995: 248):

بصيغة اسم المفعول من الإفعال.

Terjemahan: “Dengan *sighah ism maf’ul* daripada kata *al-if’al*”.

Secara amnya, al-Laknawi tidak memberatkan pembaca dengan perbincangan struktur bahasa atau sintaksis kalimahnya kerana mungkin mahu mengekalkan fokus utama kitab ini yang khusus mengenai disiplin ‘ulum al-hadith.

Pengkaji mendapati al-Laknawi tidak menyenaraikan secara jelas sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh beliau. Namun, berdasarkan kaedah petikan teks yang dibuat oleh beliau, kita dapat menduga sumber-sumber rujukan yang diguna pakai. Ini kerana dalam memetik teks daripada sumber rujukan, al-Laknawi secara konsisten akan menyebut nama pengarang berserta judul kitab atau salah satu daripadanya, diikuti oleh petikan teks berkenaan yang diakhiri dengan perkataan ‘انتهى’ (tamat).

Berdasarkan penelitian pengkaji, didapati sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh al-Laknawi dapat disenaraikan sepertimana berikut (senarai susunan disusun menurut urutan huruf abjad berserta nombor halaman di dalam kitab *Zafar al-Amani* cetakan Dar al-Qalam yang ditahkik oleh Dr. Taqiy al-Din al-Nadwi):³³

1. *al-Adhkar* oleh al-Nawawi (hlm. 214, 322)

³² *Ibid.* hlm 450.

³³ al-Laknawi, *Zafar al-Amani*, ditahkik oleh Dr. Taqiy al-Din al-Nadwi (Dubai: Dar al-Qalam, 1995).

2. *al-Ansab* oleh Abu Sa‘d al-Sam‘ani (hlm. 518)
3. *al-Arba ‘in* oleh Imam Fakhr al-Din al-Razi (hlm. 46)
4. *al-Ashbah wa al-Naza ‘ir* oleh Ibn Nujaym (hlm. 268)
5. *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam* oleh al-Hafiz Ibn Hajar (hlm. 394, 406)
6. *al-Burhan fi ‘Ulum al-Qur’an* oleh Badr al-Din al-Zarkasyi (hlm. 341)
7. *al-Bustan* oleh al-Faqih Abu al-Layth Nasr al-Samarqandi (hlm. 479)
8. *al-Daw’ al-Lami ‘fi A‘yan al-Qarn al-Tasi‘* oleh al-Sakhawi (hlm. 523)
9. *Dirasat al-Labib fi al-Uswah al-Hasanah bi al-Habib* oleh Mu‘in al-Sindi al-Hindi (hlm. 506)
10. *al-Durar al-Kaminah fi A‘yan al-Mi‘ah al-Thaminah* oleh al-Hafiz Ibn Hajar (hlm. 521)
11. *al-Durar al-Saniyyah fi ma ‘Ala min al-Asanid al-Shanawaniyyah* oleh Syekh Muhammad bin ‘Ali al-Syanawani (hlm. 301)
12. *al-Durr al-Manthur* oleh al-Suyuti (hlm. 440, 441)
13. *Fatawa Qasim bin Qutlubugha* (hlm. 333)
14. *Fath al-Baqi Sharh Alfiyyah al-‘Iraqi* oleh Zakariyya al-Ansari (hlm. 328)
15. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari* oleh al-Hafiz Ibn Hajar (hlm. 58, 60, 89, 106, 135, 152, 163, 265, 362, 412, 459, 474, 477, 479)
16. *Fath al-Ghaffar Sharh al-Manar* oleh Ibn Nujaym al-Misri (hlm. 342)
17. *Fath al-Mannan fi Ta‘yid Madhab al-Nu‘man* oleh Syekh ‘Abd al-Haq al-Dihlawi (hlm. 335)
18. *al-Fath al-Mubin Sharh al-Arba ‘in* oleh Ibn Hajar al-Makki (hlm. 215)
19. *Fath al-Qadir Hashiyah al-Hidayah* oleh Ibn al-Humam (hlm. 200, 214, 254, 281, 333, 509)
20. *al-Fawa ‘id al-Majmu‘ah fi al-Ahadith al-Mawdu‘ah* oleh al-Syawkani (hlm. 457)
21. *al-Fayd al-Tari Sharh Sahih al-Bukhari* oleh Ja‘far bin Muhammad Maqsud ‘Alam al-Ridawi (hlm. 499)
22. *al-Futuhat al-Makkiyyah* oleh Syekh Ibn ‘Arabi (hlm. 506)
23. *Hashiyah al-Mishkah* oleh al-Syarif al-Jurjani (hlm. 439)
24. *Hasr al-Sharid* oleh Mawlana ‘Abid al-Sindi (hlm. 291, 293, 295)
25. *Hawashi Sharh al-‘Aqa‘id al-Nasafiyyah* oleh al-Maula al-Khayali (hlm. 41)

26. *Hayah al-Hayawan* oleh al-Kamal al-Damiri (hlm. 436)
27. *al-Hidayah* oleh al-Mirghinani (hlm. 252, 254)
28. *al-Idah wa al-Bayan li ma Ja'a fi Laylah al-Nasf min Sha'ban* oleh Ibn Hajar al-Makki (hlm. 416)
29. *Ihya' 'Ulum al-Din* oleh Imam al-Ghazali (hlm. 34)
30. *al-'Ilal* oleh al-Tirmidhi (hlm. 174, 194)
31. *al-Ilmam bi Ahadith al-Ahkam* oleh Taqiy al-Din Ibn Daqiq al-'Id (hlm. 395)
32. *al-Imam fi Ma'rifah Ahadith al-Ahkam* oleh Taqiy al-Din Ibn Daqiq al-'Id (hlm. 395)
33. *al-Iqtirah* oleh Taqiy al-Din Ibn Daqiq al-'Id (hlm. 121, 194, 250, 423)
34. *Irshad al-Sari Sharh Sahih al-Bukhari* oleh al-Qastallani (hlm. 56, 268)
35. *Al-Isabah fi Ahwal al-Sahabah* oleh al-Hafiz Ibn Hajar (hlm. 65)
36. *al-Isha'ah fi Ahwal al-Sa'ah* oleh Siddiq Hasan Khan (hlm. 285)
37. *al-Istidhkar Sharh al-Muwatta'* oleh Ibn 'Abd al-Barr (hlm. 365)
38. *Itmam al-Dirayah li Qurra' al-Niqayah* oleh al-Suyuti (hlm. 332)
39. *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an* oleh al-Suyuti (hlm. 339, 341)
40. *Jam' al-Jawami'* oleh al-Suyuti (hlm. 394) = lihat: *al-Jami' al-Kabir*
41. *al-Jami' li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami'* oleh al-Khatib al-Baghdadi (hlm. 338)
42. *al-Jami' al-Saghir fi Hadith al-Bashir al-Nadhir* oleh al-Suyuti (hlm. 394)
43. *Jami' al-Usul* oleh Ibn al-Athir (hlm. 40, 46)
44. *al-Kaf al-Shaff fi Takhrij Ahadith al-Kashshaf* oleh al-Hafiz Ibn Hajar (hlm. 431, 445)
45. *Kashf al-Asrar Sharh Usul al-Bazdawi* oleh 'Abd al-'Aziz bin Ahmad al-Bukhari (hlm. 334)
46. *Al-Kashf al-Hathith 'am man Rumiya bi Wad' al-Hadith* oleh Burhan al-Din al-Halabi (hlm. 59, 423, 432)
47. *al-Kashif 'an Haqa'iq al-Sunan* oleh al-Tibi (hlm. 437, 438) = *Hashiyah al-Mishkah*
48. *al-Kawakib al-Darari Sharh Sahih al-Bukhari* oleh al-Karmani (hlm. 265)
49. *al-Khulasah fi Usul al-Hadith* oleh Imam al-Tibi (hlm. 178, 183, 238, 324, 332, 360, 374, 439, 494)
50. *al-La'ali' al-Masnu'ah fi al-Ahadith al-Mawdu'ah* oleh al-Suyuti (hlm. 422, 427, 452)
51. *Lata'if al-Ma'arif* oleh Ibn Rajab (hlm. 417)

52. *Ma‘alim al-Sunan* oleh al-Khattabi (hlm. 120)
53. *Madarij al-Isnad* oleh al-Qadi ‘Ali Khan al-Kupamawi (hlm. 37)
54. *Ma’khadh al-‘Ilm* oleh Ibn Faris al-Lughawi (hlm. 486)
55. *Majma‘ al-Bihar* oleh Muhammad Tahir al-Futtani (hlm. 269, 270)
56. *al-Maqasid al-Hasanah* oleh al-Sakhawi (hlm. 201, 202, 205, 269, 272, 415)
57. *al-Mawdu‘at* oleh Ibn al-Jawzi (hlm. 414, 426, 451)
58. *al-Mawdu‘at* oleh ‘Ali al-Qari (hlm. 416)
59. *al-Minah al-Makkiyyah Sharh al-Qasidah al-Hamziyyah* oleh Ibn Hajar al-Makki al-Haytami (hlm. 272, 447)
60. *Mir’ah al-Jinan* oleh al-Yafi‘i (hlm. 49)
61. *Mir’ah al-Usul Sharh Mirqah al-Wusul* oleh Mulla Khusrū (hlm. 334)
62. *al-Mirqah Hashiyah al-Mishkah* oleh ‘Ali al-Qari (hlm. 522)
63. *Mirqah al-Su‘ud Sharh Sunan Abi Dawud* oleh al-Suyuti (hlm. 274)
64. *Misbah al-Zujajah ‘ala Sunan Ibn Majah* oleh al-Suyuti (hlm. 431)
65. *Mizan al-I‘tidal* oleh al-Dhahabi (hlm. 503)
66. *al-Mizan al-Kubra* oleh Syekh ‘Abd al-Wahhab al-Sya‘rani (hlm. 225)
67. *al-Muhalla* oleh Ibn Hazm (hlm. 160)
68. *Mukhtasar ‘Ulum al-Hadith* oleh al-Qadi Badr al-Din Ibn Jama‘ah (hlm. 127, 178, 237, 281, 486) = lihat: *al-Manhal al-Rawi*
69. *al-Muntakhab al-Hussami* oleh Hussam al-Din al-Akhsikati (hlm. 459)
70. *Mushtabih al-Nisbah* oleh ‘Abd al-Ghani bin Sa‘id al-Azdi (hlm. 100)
71. *Muqaddimah fi Usul al-Tafsir* oleh Ibn Taymiyyah (hlm. 342)
72. *al-Muqizah* oleh al-Dhahabi (hlm. 175)
73. *Nasb al-Rayah Takhrij Ahadith al-Hidayah* oleh al-Zayla‘i (hlm. 366)
74. *Nasim al-Riyad Sharh Shifa’ Ayyad* oleh al-Syihab al-Khafaji (hlm. 217)
75. *Nazm al-Durar fi Silk Shaqq al-Qamar* oleh ‘Abd al-Halim bin Amin Allah al-Laknawi (hlm. 504)
76. *al-Nukat ‘ala Muqaddimah Ibn al-Salah* oleh al-Hafiz Ibn Hajar (hlm. 124, 379, 421)
77. *al-Nukat ‘ala Muqaddimah Ibn al-Salah* oleh al-Zarkasyi (hlm. 175)

78. *al-Nukat al-Wafiyah Sharh al-Alfiyyah* oleh Burhan al-Din Ibrahim bin ‘Umar al-Biqā‘i (hlm. 190)
79. *Nukhbah al-Fikar* oleh al-Hafiz Ibn Hajar (hlm. 41, 49, 52, 413, 498)
80. *Qamar al-Aqmar li Nur al-Anwar* oleh ‘Abd al-Halim bin Amin Allah al-Laknawi (hlm. 509)
81. *al-Qawl al-Badi ‘fi al-Salah ‘ala al-Habib al-Shafi‘* oleh al-Sakhawi (hlm. 210, 217)
82. *al-Qawl al-Musaddad fi al-Dhabb ‘an Musnad Ahmad* oleh al-Hafiz Ibn Hajar (hlm. 459)
83. *Rasa ’il al-Qari* oleh ‘Ali al-Qari al-Makki (hlm. 270, 271)
84. *Sanad al-Anam Sharh Musnad al-Imam* oleh ‘Ali al-Qari al-Makki (hlm. 206)
85. *al-Sayf al-Maslul ‘ala Man Sabb al-Rasul* oleh al-Subki (hlm. 223)
86. *Shann al-Gharah ‘ala Man Azhara Ma ‘arrah* oleh Ibn Hajar al-Makki (hlm. 332)
87. *Sharh Alfiyyah al-‘Iraqi* oleh al-Sakhawi (hlm. 43, 81, 85, 88, 121, 264, 328, 343, 362, 374, 378, 380, 389, 391, 392, 401, 424, 455, 457, 460, 462, 469, 481, 486, 488, 492, 507, 511) = lihat: *Fath al-Mughith*
88. *Sharh Alfiyyah al-‘Iraqi* oleh Zayn al-Din al-‘Iraqi (hlm. 59, 121, 122, 124, 131, 152, 157, 162, 177, 191, 195, 207, 226, 239, 246, 250, 262, 319, 326, 374, 377, 390, 481, 486, 510)
89. *Sharh al-Hidayah* oleh Badr al-Din al-‘Ayni (hlm. 199, 229, 254, 271, 509) = lihat: *al-Binayah*
90. *Sharh Jam‘ al-Jawami‘* oleh al-Mahalli (hlm. 44)
91. *Sharh Jami‘ al-Tirmidhi* oleh Abu al-Fath Muhammad bin Muhammad bin Sayyid al-Nas (hlm. 191, 195)
92. *Sharh Kanz al-Daqa‘iq* oleh al-‘Ayni (hlm. 229)
93. *Sharh al-Manar* oleh Ibn Malak (hlm. 32, 41, 44, 66, 334) = lihat: *Sharh Manar al-Usul*
94. *Sharh al-Maqasid* oleh al-Taftazani (hlm. 223, 508)
95. *Sharh al-Muhadhdhab* oleh al-Nawawi (hlm. 233, 352)
96. *Sharh Mukhtasar Ibn al-Hajib* oleh al-Qadi ‘Adud al-Din al-Syafi‘i (hlm. 66)
97. *Sharh Mukhtasar al-Manar* oleh Qasim bin Qutlubugha (hlm. 333)
98. *Sharh Mukhtasar al-Muzani* oleh al-Dawudi (hlm. 233)
99. *Sharh al-Muwatta’* oleh al-Qadi Ibn al-‘Arabi (hlm. 70)

100. *Sharh Nukhbah al-Fikar* oleh al-Hafiz Ibn Hajar (hlm. 47, 49, 71, 82, 96, 196, 242, 262, 277, 331, 359, 362, 375, 423) = lihat: *Nuzhah al-Nazar*
101. *Sharh Sahih Muslim* oleh Imam al-Nawawi (hlm. 59, 106, 236, 238, 343, 408, 461)
102. *Sharh Sharh Nukhbah al-Fikar* oleh al-Fadil Akram bin ‘Abd al-Rahman al-Sindi (hlm. 42, 43, 64, 71, 86, 176, 249, 263, 266) = lihat: *Im ‘an al-Nazar*
103. *Sharh Sharh Nukhbah al-Fikar* oleh ‘Ali al-Qari (hlm. 36, 41, 71, 266, 278)
104. *Sharh Tahrir al-Usul* oleh Bahr al-‘Ulum al-Laknawi (hlm. 333)
105. *Shifa’ al-Saqqam fi Ziyarah Khayr al-Anam* oleh Taqiy al-Din al-Subki (hlm. 416)
106. *al-Sihah* oleh al-Jawhari (hlm. 510)
107. *al-Siqayah li ‘Atshan al-Hidayah* oleh ‘Abd al-Halim al-Laknawi (hlm. 321, 372)
108. *Sirah al-Amin al-Ma’mun* oleh Nur al-Din al-Halabi al-Syafi‘i (hlm. 209)
109. *Tabaqat al-Shafi‘iyyah* oleh Taj al-Din al-Subki (hlm. 468)
110. *Tabaqat al-Shafi‘iyyah* oleh Taqiy al-Din Ibn Syahbah al-Dimasyqi (hlm. 49, 520)
111. *Tabsir al-Muntabih bi Tahrir al-Mushtabih* oleh al-Hafiz Ibn Hajar (hlm. 102)
112. *Tabyid al-Sahifah fi Manaqib al-Imam Abi Hanifah* oleh al-Suyuti (hlm. 515)
113. *Tabyin al-‘Ajab fi ma Warada fi Fadl Rajab* oleh al-Hafiz Ibn Hajar (hlm. 417)
114. *al-Tabyin li Asma’ al-Mudallisim* oleh Burhan al-Din Ibrahim al-Halabi (hlm. 373, 377, 378, 380)
115. *al-Tabyin Sharh al-Muntakhab al-Hussami* oleh Amir Katib bin Amir ‘Umar al-Farabi al-Itqani (hlm. 334)
116. *Tadrib al-Rawi Sharh Taqrib al-Nawawi* oleh al-Suyuti (hlm. 210, 266, 324, 332, 357, 358, 363, 389, 425, 453, 466, 490)
117. *Tahdhib al-Tahdhib* oleh al-Hafiz Ibn Hajar (hlm. 65, 172)
118. *al-Tahqiq Sharh al-Muntakhab al-Hussami* oleh ‘Abd al-‘Aziz bin Ahmad al-Bukhari (hlm. 334)
119. *Tahrir al-Usul* oleh Ibn al-Humam (hlm. 333, 509)
120. *Tajrid al-Sahabah* oleh al-Dhahabi (hlm. 499)
121. *Takhrij Ahadith al-Ihya’* oleh al-‘Iraqi (hlm. 269, 363, 417)
122. *Tanqih al-Usul* oleh Sadr al-Syari‘ah (hlm. 459)
123. *Taqrib al-Tahdhib* oleh al-Hafiz Ibn Hajar (hlm. 108, 504)

124. *al-Taqrib wa al-Taysir* oleh Muhyi al-Din al-Nawawi (hlm. 146, 355, 357, 467, 492) =
lihat: *Mukhtasar ‘Ulum al-Hadith*
125. *al-Targhib wa al-Tarhib* oleh al-Mundhiri (hlm. 206)
126. *al-Tawshih Hashiyah Sahih al-Bukhari* oleh al-Suyuti (hlm. 282)
127. *al-Taysir fi Sharh al-Jami‘ al-Saghir* oleh ‘Abd al-Ra‘uf al-Munawi (hlm. 489)
128. *Tazayin al-Ara‘ik bi Irsal al-Nabi SAW ila al-Mala‘ik* oleh al-Suyuti (hlm. 499)
129. *al-Ta‘zim wa al-Minnah fi Anna Abaway Rasul Allah SAW fi al-Jannah* oleh al-Suyuti
(hlm. 417)
130. *al-Tuhfah al-Ithna ‘Ashariyyah* oleh ‘Abd al-‘Aziz al-Dihlawi (hlm. 507)
131. *Tulu‘ al-Thurayya bi Izhar ma Kana Khafiyah* oleh al-Suyuti (hlm. 331)
132. *‘Ulum al-Hadith* oleh al-Hakim (hlm. 69, 132, 318, 338) = lihat: *Ma‘rifah ‘Ulum al-Hadith*
133. *‘Ulum al-Hadith* oleh Ibn al-Salah (hlm. 142, 150, 160, 174, 182, 187, 190, 226, 228,
360, 452, 483, 484, 496) = lihat: *Muqaddimah Ibn al-Salah*
134. *‘Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari* oleh al-Qadi Badr al-Din al-‘Ayni (hlm. 145,
504)
135. *Unmudhaj al-‘Ulum* oleh Jalal al-Din al-Dawwani al-Syafi‘i (hlm. 215)
136. *Al-UNS al-Jalil fi Tarikh al-Quds wa al-Khalil* oleh Mujir al-Din al-Hanbali (hlm. 49)
137. *al-Usul* oleh al-Bazdawi (hlm. 459)
138. *Wafayat al-A‘yan* oleh Ibn Khallikan (hlm. 49)
139. *al-Wishah wa Tathqif al-Rimah fi Radd Tawhim al-Majd fi al-Sihah* oleh ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-‘Aziz al-Maghribi (hlm. 511)
140. *Zad al-Ma‘ad* oleh Ibn al-Qayyim (hlm. 400, 406)

Senarai rujukan yang banyak ini jelas membuktikan bahawa sumber yang digunakan oleh al-Laknawi di dalam syarahnya ini cukup pelbagai, daripada ‘ulum al-hadith, fiqh, usul al-fiqh, sirah, akidah, tafsir, ‘ulum al-Qur‘an, tasawuf, sejarah dan sebagainya. Ia juga membuktikan bahawa al-Laknawi merupakan seorang ilmuwan yang mempunyai medan pembacaan dan penelaahan yang cukup luas. Justru, tidak hairanlah jika sumber rujukan yang digunakan oleh beliau di dalam syarahnya ini cukup banyak bilangannya serta pelbagai.

Kitab *Zafar al-Amani* secara umumnya merupakan sebuah kitab syarah ‘ulum al-hadith yang amat baik, namun tidak dinafikan bahawa masih terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan padanya. Antaranya berdasarkan penelitian pengkaji ialah:

a. Beberapa kesilapan teknikal

Menurut Syekh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah, terdapat beberapa kesalahan teknikal yang dilakukan oleh al-Laknawi semasa menyusun kitab ini. Ia berlaku disebabkan beberapa faktor, antaranya yang utama ialah beliau menyusun kitab ini dalam keadaan kesihatannya terganggu dan sangat kurang memuaskan. Ini sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa beliau hanya dapat menyiapkan kitab ini kira-kira sebulan lebih sahaja sebelum tarikh kewafatannya. Sudah tentu jika ada sebarang kekurangan dan kesilapan padanya selepas itu, tidak akan dapat dibaiki oleh beliau.

Antara kesalahan teknikal tersebut ialah seperti beliau menisbahkan kata-kata kritikan yang sepatutnya daripada Ibn Rusyayd (w. 721H) ditukar menjadi kata-kata Ibn Hibban (w. 354H) di awal kitab *Sahihnya*.³⁴ Beliau juga menisbahkan kata-kata yang sepatutnya daripada al-Hafiz al-Zanjani (w. 471H) ditukar menjadi kata-kata al-Hakim (w. 405H) dan al-Khatib al-Baghdadi (w. 463H).³⁵

b. Sebagian penjelasan yang kurang mantap

Dalam mensyarahkan kitab *Mukhtasar al-Jurjani*, al-Laknawi hampir menghuraikan setiap inci kandungan kitab tersebut dengan terperinci sekali tanpa meninggalkan ruang-ruang yang boleh menunjukkan kelompongan. Bagaimanapun, ada terdapat sedikit huraihan beliau yang mungkin dilihat kurang mantap. Misalnya, beliau mendefinisikan ilmu hadith atau ilmu *usul al-hadith* hanya terbatas kepada sanad sahaja, tidak termasuk matan sekali. Katanya:

هو علم يُعرف به أحوال السنّد إلى رسول الله ﷺ من حيث الصحة والضعف، وأوصاف إسناده من الاتصال والانقطاع والإرسال
والرفع والوقف وغير ذلك، وأحوال رجاله من الجرح والتعديل.

Terjemahan: “Iaitu suatu ilmu yang dapat diketahui melaluinya hal ehwal sanad sampai kepada Rasulullah SAW dari segi sahih dan daif, serta ciri-ciri sanadnya sama ada bersambung, terputus, *irsal, raf, waqf* dan sebagainya, serta hal ehwal *rijalnya* dari segi *al-jarh wa al-ta‘dil*”.³⁶

³⁴ al-Laknawi, *Zafar al-Amani bi Sharh Mukhtasar al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani* (Halab: Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah, 1996), hlm 70.

³⁵ *Ibid.* hlm 205.

³⁶ *Ibid.* hlm 22.

Definisi ini jelas hanya berkaitan dengan sanad hadis sahaja, tidak termasuk matan hadis. Sedangkan definisi yang lengkap mencakupi sanad dan matan sekaligus. Buktinya yang jelas, terdapat bagian-bagian ilmu hadis yang turut menyentuh perbincangan tentang matan, iaitu dalam membincangkan hadis *al-mawdu'*, *al-shadh*, *al-mudraj*, *al-maqlub*, *ziyadah al-thiqah*, *al-mudtarib*, *al-musahhof*, *al-muharrif* dan *al-mu'al* (*al-mu'allal*).

al-Laknawi juga meletakkan penjelasan tentang *al-asma' wa al-kuna* secara panjang lebar di bagian pendahuluan *al-Maqasid* sebelum masuk bab pertama.³⁷ Sedangkan, sebaik-baiknya penjelasan tentang *al-asma' wa al-kuna* ini diletakkan di dalam bab empat yang memang khusus mengenai nama-nama para perawi hadis (*asma' al-rijal*).

c. Sorotan perbahasan yang terlalu panjang

al-Laknawi juga adakalanya membuat sorotan yang terlalu panjang mengenai sesuatu topik yang sebenarnya boleh diminimakan. Misalnya, dalam menyorot perbahasan tentang hadis *al-musalsal*, al-Laknawi menghimpunkan begitu banyak riwayat hadis *al-musalsal* dan tidak sekadar hanya memberi sebagian contoh-contohnya sahaja.³⁸ Seolah-olah beliau ingin memaparkan kesemua sanad hadis *al-musalsal* yang diperolehi daripada guru-gurunya. Sedangkan fokus utama kitab ini ialah bagi membincangkan ilmu *mustalah al-hadith*.

al-Laknawi telah menggunakan halaman kitab yang banyak sekitar 49 muka untuk memuatkan hadis-hadis *al-musalsal* berkenaan. Sedangkan menurut hemat pengkaji, sanad-sanad hadis *al-musalsal* ini sebaiknya diasingkan ke dalam sebuah kitab khusus mengenai sanad-sanad keilmuan beliau yang biasanya disebut sebagai kitab *thabat*.

d. Terdapat sub-sub topik yang ditinggalkan

Antara kekurangan kitab *Zafar al-Amani* juga ialah tidak membincangkan di dalamnya sejumlah bagian ilmu hadis seperti *al-mazid fi muttasil al-asanid*, *kitabah al-hadith wa dabtuhu*, *sifah riwayah al-hadith wa adabuhu*, *adab al-muhaddith*, *adab talib al-hadith*, *al-'ali wa al-nazil*, *gharib al-faz al-hadith*, *al-muharrif*, *al-nasikh wa al-masikh*, *mukhtalif al-hadith*, *asbab wurud al-hadith*, *tawarikh al-mutun*, *riwayah al-akabir 'an al-asaghir*, *riwayah al-sahabah 'an al-tabi'in*, *'an al-sahabah*, *riwayah al-aqrab*, *riwayah al-ikhwah wa al-akhawat*, *riwayah al-aba' 'an al-abna'*, *riwayah al-abna' 'an al-aba'*, *al-sabiq wa al-lahiq*, *man rawa 'an syaykh thumma rawa*

³⁷ *Ibid.* hlm 85-105.

³⁸ *Ibid.* hlm 269-318.

'anhu bi wasitah, al-wuhdan, man lam yarwi illa hadithan wahidan, man lam yarwi illa 'an wahid, man asnada 'anhu SAW hadithan min al-sahabah alladhina matu fi hayatihi, al-mushtabih al-maqlub, al-mubhamat, ma 'rifah man khalata min al-thiqat (al-mukhtalitun) dan al-mawali.

Ini merupakan bagian-bagian ilmu hadis yang dikesan tidak disentuh oleh al-Laknawi di dalam syarahnya berdasarkan perbandingan dengan kitab-kitab *mustalah al-hadith* yang lain.³⁹ Secara jelas, ia berpunca daripada keterikatan beliau dengan kitab susunan al-Jurjani yang sememangnya tidak menyentuh bagian-bagian tersebut. al-Laknawi sebenarnya menyedari hal ini kerana al-Jurjani telah meringkaskan kitabnya daripada karya al-Tibi yang turut menyentuh sejumlah daripada bagian-bagian tersebut dalam karyanya. Lantas beliau memberi komentar: “Ada pun pengarang (al-Jurjani), beliau telah meringkaskannya dengan ringkasan yang kurang sempurna dan meninggalkan banyak perkara yang sewajarnya disebutkan...”⁴⁰

Kesimpulan

al-Laknawi merupakan tokoh ulama benua India yang cukup terkenal di persada antarabangsa dalam awal abad ke 14 Hijrah. Dalam sejarah penulisan *'ulum al-hadith* beliau telah membuka satu lembaran baru dalam disiplin ilmu hadis di kalangan ulama mazhab Hanafi secara khusus melalui kitabnya *Zafar al-Amani*. Secara umum, metodologi penulisan al-Laknawi dilihat cukup sistematis dan sarat dengan perbincangan ilmiah mengenai masalah-masalah yang agak kompleks dalam ilmu hadis seperti isu hadis hasan, masalah beramal dengan hadis daif, isu hadis mursal, isu hadis munkar dan sebagainya, berserta pentarjihan beliau terhadap berbagai pandangan ulama yang disajikan dan diperbincangkan. Kupasannya dalam sesuatu masalah cukup mendetail dan melacak hingga ke akar umbinya melalui pelbagai rujukan yang cukup bervariasi. Justru, tidak hairan apabila karyanya ini telah mendapat tumpuan yang besar daripada kalangan ulama mazhab Hanafi secara khusus, di samping para ilmuwan mazhab yang lain. Secara ringkas, meski kekurangan yang ada, kitab *Zafar al-Amani* ini menurut pengkaji cukup layak untuk diletakkan sebaris dengan karya-karya agung dalam disiplin *'ulum al-hadith* yang wajar dipelajari dan dijadikan rujukan penting dalam tradisi pengajian Islam.

³⁹ Perbandingan dibuat secara khusus dengan kitab *Manhaj Dhawi al-Nazar* oleh Syekh al-Tarmasi (w. 1338H). Ini kerana beliau hidup sezaman dengan Syekh al-Laknawi serta kitabnya dianggap antara kitab *'ulum al-hadith* mutakhir yang terlengkap. Lihat: al-Tarmasi, Muhammad Mahfuz, *Manhaj Dhawi al-Nazar fi Sharh Manzumah 'Ilm al-Athar* (Surabaya: al-Haramayn, t.t.).

⁴⁰ al-Laknawi, *op.cit.* hlm 528.

DAFTAR PUSTAKA

- al-Hasani, ‘Abd al-Hayy al-Nadwi. *Nuzhah al-Khawatir wa Bahjah al-Masami‘ wa al-Nawazir*. Beirut: Dar Ibn Hazm, 1999.
- Ibn Jama‘ah, Badr al-Din. *al-Manhal al-Rawi fi Mukhtasar ‘Ulum al-Hadith al-Nabawi*, cet. 2. Dimasyq: Dar al-Fikr, 1986.
- Ibn al-Salah, ‘Uthman bin ‘Abd al-Rahman. *‘Ulum al-Hadith*. Dimasyq: Dar al-Fikr, 1986.
- al-Jurjani, ‘Ali bin Muhammad bin ‘Ali al-Husayni. *al-Dibaj al-Mudhahhab*. ditakhlik oleh ‘Abd al-Ghaffar Sulayman al-Bandari. Kaherah: Dar al-Hadith, 1405 H.
- al-Jurjani, ‘Ali bin Muhammad bin ‘Ali al-Husayni. *Risalah fi Usul al-Hadith*. ditakhlik oleh ‘Ali Zuwayn. Riyadh: Dar al-Rasyid, 1407 H.
- al-Kattani, ‘Abd al-Hayy bin ‘Abd al-Kabir. *Fihris al-Faharis*. cet. 2. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, 1982.
- al-Laknawi, Muhammad ‘Abd al-Hayy. *Zafar al-Amani bi Sharh Mukhtasar al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani*. Halab: Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah, 1996.
- al-Laknawi, Muhammad ‘Abd al-Hayy. *Zafar al-Amani fi Mukhtasar al-Jurjani*. Dubai: Dar al-Qalam, 1995.
- al-Laknawi, Muhammad ‘Abd al-Hayy. *al-Raf‘ wa al-Takmil fi al-Jarh wa al-Ta‘dil*. Halab: Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah, 1987.
- al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. *al-Taqrib wa al-Taysir*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, 1985.
- Salah Muhammad Abu al-Haj. *al-Manhaj al-Fiqhi li al-Imam al-Laknawi*. Amman: Dar al-Nafa‘is, 2002.
- al-Tarmasi, Muhammad Mahfuz. *Manhaj Dhawi al-Nazar fi Sharh Manzumah ‘Ilm al-Athar*. Surabaya: al-Haramayn, t.t.
- al-Tibi, al-Husayn bin ‘Abd Allah. *al-Khulasah fi Usul al-Hadith*. Beirut: ‘Alam al-Kutub, 1985.
- Waliy al-Din al-Nadwi. *al-Imam ‘Abd al-Hayy al-Laknawi*. Dimasyq: Dar al-Qalam, 1995.
- al-Zirikli, Khayr al-Din. 2002. *al-A‘lam*. Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin.